

**URUSAN PEMANGKUAN BERASASKAN KRITERIA KECEMERLANGAN
BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DAN
PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL, PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA JUN TAHUN 2022**

1. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan **urusan Pemangkuan Berasaskan Kriteria Kecemerlangan** bagi skim perkhidmatan **Pegawai Latihan Vokasional (PLV) dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV)** tempoh **Januari hingga Jun tahun 2022**. Sehubungan itu, pegawai PLV dan PPLV yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan mengikut urusan berikut:
 - i. Pemangkuan dari Gred DV52 ke Gred DV54;
 - ii. Pemangkuan dari Gred DV48 ke Gred DV52;
 - iii. Pemangkuan dari Gred DV44 ke Gred DV48;
 - iv. Pemangkuan dari Gred DV38 ke Gred DV40;
 - v. Pemangkuan dari Gred DV36 ke Gred DV38; dan
 - vi. Pemangkuan dari Gred DV29/30 ke Gred DV36.

2. **Syarat-syarat Umum Permohonan:**
 - i. Telah **disahkan dalam perkhidmatan**;
 - ii. Markah wajaran Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini (2019, 2020 dan 2021) adalah **80% dan ke atas**;
 - iii. Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
 - iv. Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
 - v. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - vi. Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
 - vii. **Diperakukan** oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

3. Syarat-syarat Khusus Permohonan:

- i. **Pemangkuan dari Gred DV52 ke Gred DV54:**
 - a. Dinaikkan pangkat ke **Gred DV52** pada **31.12.2018 dan sebelum**;
 - b. **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV52 berubah kepada tarikh 01.01.2019 dan seterusnya** (Contoh: cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji);
 - c. Mencapai markah minimum 80% dan ke atas bagi penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC); dan
 - d. Kelayakan mengajar/ Program latihan VTO/ VTE/ VTM atau yang setara/ diiktiraf oleh JPK.

- ii. **Pemangkuan dari Gred DV48 ke Gred DV52:**
 - a. Dinaikkan pangkat ke **Gred DV48** pada **31.12.2015 dan sebelum**;
 - b. **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV48 berubah kepada tarikh 01.01.2016 dan seterusnya** (Contoh: cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji);
 - c. Mencapai markah minimum 80% dan ke atas bagi penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC); dan
 - d. Kelayakan mengajar/ Program latihan VTO/ VTE/ VTM atau yang setara/ diiktiraf oleh JPK.

- iii. **Pemangkuan dari Gred DV44 ke Gred DV48:**
 - a. Dinaikkan pangkat ke **Gred DV44** pada **31.12.2013 dan sebelum**;
 - b. **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV44 berubah kepada tarikh 01.01.2014 dan seterusnya** (Contoh: cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji);
 - c. Mencapai markah minimum 80% dan ke atas bagi penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC); dan
 - d. Kelayakan mengajar/ Program latihan VTO/ VTE/ VTM atau yang setara/ diiktiraf oleh JPK.

- iv. **Pemangkuan dari Gred DV38 ke Gred DV40:**
 - a. Dinaikkan pangkat ke **Gred DV38** pada 31.12.2016 dan sebelum;
 - b. **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV38 berubah kepada tarikh 01.01.2017 dan seterusnya** (Contoh: cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji); dan
 - c. Mencapai markah minimum 80% dan ke atas bagi penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC).

- v. **Pemangkuan dari Gred DV36 ke Gred DV38:**
 - a. Dinaikkan pangkat ke **Gred DV36** pada 31.12.2013 dan sebelum;
 - b. **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV36 berubah kepada tarikh 01.01.2014 dan seterusnya** (Contoh: cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji); dan
 - c. Mencapai markah minimum 80% dan ke atas bagi penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC).

- vi. **Pemangkuan dari Gred DV29/30 ke Gred DV36:**
 - a. Dilantik sebagai **PPLV Gred DV29** atau dinaikkan pangkat sebagai **PPLV Gred DV30** pada 31.12.2013 dan sebelum;
 - b. **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred DV29 atau kenaikan pangkat ke Gred DV30 berubah kepada tarikh 01.01.2014 dan seterusnya** (Contoh: cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji/ pelanjutan tempoh percubaan berdenda); dan
 - c. Mencapai markah minimum 80% dan ke atas bagi penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC).

4. **Cara Memohon:**

- i. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan mengikut kategori seperti berikut:
 - a. Borang 1A dan 1B bagi pegawai di Kategori I – Mengajar;
 - b. Borang 2A dan 2B bagi pegawai di Kategori II – Mengajar dan Mengurus;
dan
 - c. Borang 3A dan 3B bagi pegawai di Kategori III – Mengurus.

- ii. Borang tersebut perlu dikemukakan kepada Pengurusan Sumber Manusia (PSM) / Institusi/ Agensi/ Jabatan/ Kementerian masing-masing **sebelum atau pada 2 Mac 2022 (Rabu)**;
- iii. Semua permohonan yang telah dinilai dan dilengkapkan di peringkat Jabatan/ Kementerian hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Kecemerlangan (JKPK) di Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (JPK, KSM) dengan melengkapkan **Borang 4A** pada atau sebelum **29 April 2022 (Jumaat)**;
- iv. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab PSM untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat sahaja dikemukakan kepada JKPK**. PSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semula bahawa maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh PSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan; dan
- v. Proses Kerja dan Carta Alir permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Urusan Penempatan

Penempatan pegawai-pegawai yang berjaya dalam urusan pemangkuan akan dimuktamadkan oleh JPA dengan mengambil kira kepentingan dan keperluan perkhidmatan secara keseluruhannya.

6. Pertanyaan

- i. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi **urus setia JKPK di JPK, KSM** seperti berikut:
 - a. Puan Molinda binti Abd Rahman
03-8886 2416
molinda@mohr.gov.my
 - b. Puan Siti Fauziah binti Jumadi
03-8886 5524
sfauziah@mohr.gov.my
 - c. Encik Mohd Nawawi bin Isa
03-8886 5539
mnawawi@mohr.gov.my
 - d. Puan Mazura binti Rasdi
03-8886 2474
mazura@mohr.gov.my

ii. **Urus setia di JPA:**

- | | | |
|---|---|----------------|
| a. Puan Khalisah Adibah binti Zainal Abidin
03-8885 4329
khalisah.zainal@jpa.gov.my | } | DV41/42– DV54 |
| b. Puan Erdawati binti Ramli
03-8885 4266
erdawati.ramli@jpa.gov.my | | |
| c. Encik Ahmad Azizi bin hj Nordin
03-8885 4304
azizi.nordin@jpa.gov.my | } | DV29/30 – DV40 |
| d. Encik Abdul Halim bin Jamaludin
03-8885 4278
halim.jamaludin@jpa.gov.my | | |

Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Tarikh: 31.12.2021